

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JUNE 2016

'Afidavit Tun M hanya dengar cakap'

BH - 22/6/2016

Kuala Lumpur: Afidavit Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menyokong permohonan bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik untuk membatalkan saman fitnah Datuk Seri Najib Razak, hanya mengandungi bukti dengar cakap.

Peguam, Datuk Mohd Hafarizam Harun yang mewakili Perdana Menteri berkata, penulisan daripada blog chedet yang digunakan Dr Mahathir dalam afidavit itu tidak disertakan sebarang dokumen.

Mohd Hafarizam juga mengemukakan hujahan dalam kamar hakim semalam, bahawa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang ia hanya berdasarkan kepada bukti dengar cakap.

"Artikel dalam afidavit hanya berdasarkan kepada kepercayaan tanpa menyatakan secara spesifik sumber mana ia diperolehi, wajar dipadamkan dan tidak diterima mahkamah," katanya selepas pendengaran permohonan Najib untuk memadamkan afidavit Dr Mahathir bagi menyokong permohonan Liong Sik membatalkan saman dikemukakan beliau.

Keputusan 18 Julai

Hakim Datuk Nor Bee Ariffin menetapkan keputusan 18 Julai ini.

Dalam writ saman dan pernyataan tuntutan difailkan pada 27 Oktober tahun lalu, Najib berkata, Liong Sik yang juga bekas Menteri Peng-

angkutan mengeluarkan kenyataan fitnah yang diterbitkan portal dalam talian *Malay Mail* bertarikh 3 Oktober tahun sama.

Katanya, defendan secara salah dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan fitnah itu di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, di Kuala Lumpur.

Katanya, perkataan fitnah itu antaranya membawa maksud Najib menyalahgunakan dana kerajaan ke dalam akaun peribadi untuk kepentingan peribadi, menyalahgunakan dana kerajaan milik syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan mengkhianati kepercayaan rakyat dengan menyalahgunakan kuasa.